

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
(SIPITANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia mutakhir ini, di mana dilaporkan pada tempoh separuh pertama tahun ini, ekonomi negara adalah antara yang terbaik di dunia, dengan mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 6.4 peratus pada kedua suku, hasil eksport yang lebih tinggi dan kekuatan berterusan dalam permintaan domestik swasta.

JAWAPAN

Meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran global, Malaysia telah mencatat pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan sebanyak

6.4% dalam tempoh suku kedua 2014 (S1 2014: 6.2%), pertumbuhan paling tinggi sejak suku keempat 2010. Sehubungan itu, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dalam tempoh separuh pertama 2014 mencatat pertumbuhan sebanyak 6.3% yang merupakan pertumbuhan yang paling tinggi dalam kalangan negara ASEAN pada tempoh tersebut. Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan dan diperkukuh oleh eksport yang lebih tinggi. Permintaan domestik mencatat kadar pertumbuhan tinggi sebanyak 6.5% dengan sektor swasta terus memacu pertumbuhan ekonomi. Eksport kasar pula meningkat semula dengan kukuh sebanyak 9.5% dalam tempoh lapan bulan pertama 2014.

2. Ekonomi domestik dijangka terus berkembang dalam tempoh separuh kedua tahun ini, walaupun pada kadar lebih perlahan terutamanya disebabkan kesan asas yang tinggi bagi prestasi eksport pada tahun sebelumnya. Dari sudut permintaan, pertumbuhan ekonomi pada tahun 2014 disokong oleh perbelanjaan pengguna yang berdaya tahan, aktiviti pelaburan swasta yang kukuh dan permintaan global yang bertambah baik. Dari sudut penawaran, semua sektor dijangka mencatat pertumbuhan positif diterajui oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Berdasarkan kepada perkembangan di atas, ekonomi negara bagi keseluruhan tahun 2014 dijangka berkembang 5.5% hingga 6%, lebih tinggi berbanding unjuran 4.5% hingga 5.5% yang dibuat pada awal tahun.

3. Momentum pertumbuhan ini dijangka berterusan hingga tahun 2015 didorong oleh peningkatan permintaan luar dan aktiviti ekonomi domestik yang berdaya tahan. Pertumbuhan akan diterajui oleh sektor swasta selaras dengan usaha Kerajaan mengukuhkan peranan sektor swasta dalam ekonomi. Dari sudut penawaran, semua sektor kekal merekodkan pertumbuhan positif dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan terus menjadi penyumbang utama pertumbuhan ekonomi.

4. Dalam Bajet 2015, Kerajaan telah mengumumkan pelbagai inisiatif untuk terus memperkukuh pertumbuhan ekonomi termasuk:

- merencanakan sektor perkhidmatan seperti melaksanakan *Blueprint* Sektor Perkhidmatan, menyediakan Skim Jaminan Sektor Perkhidmatan

dan memperkenalkan semula Dana Perkhidmatan Eksport;

- memperkukuh sektor kewangan Islam seperti memperkenalkan akaun pelaburan patuh syariah untuk membiayai aktiviti usahawan;
- merancang pelaburan awam dan swasta seperti membina MRT Jajaran Kedua sepanjang 56 kilometer dari Selayang ke Putrajaya dan membina Lebuhraya Sungai Besi - Ulu Klang; dan
- membangunkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) seperti melaksanakan *SME Investment Partner* dan memperuntukkan RM80 juta untuk Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Pemodenan PKS.

5. Melalui pelbagai langkah yang sedang dan akan dilaksanakan, Kerajaan yakin pertumbuhan momentum ekonomi akan kekal kukuh dan mencapai sasaran antara 5% hingga 6% pada 2015.